

Jaminan pentadbiran kementerian diselesai

UM - 25 - Oct - 2005

PUTRAJAYA 24 Okt. — Pemangku Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hari ini memberi jaminan akan menyelesaikan segala hal berkaitan pentadbiran kementerian itu dengan menghadiri semua mesyuarat mengenainya selepas kira-kira empat bulan tertangguh.

Menurutnya, beliau akan menghadiri semua mesyuarat yang perlu dipengerusikan oleh menteri dan akan membereskan segala urusan yang tertangguh secepat mungkin.

“Saya akan pastikan semua mesyuarat itu diselesaikan dulu dan kemudian akan turun padang ke Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk meninjau serta menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit di kawasan berkenaan,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata demikian kepada pemberita ke-

tika mengadakan lawatan pertama ke Kementerian Wilayah Persekutuan di sini sejak dilantik sebagai Pemangku Menteri menggantikan Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad, minggu lalu.

Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique.

Shahrizat dilantik memangku jawatan tersebut setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima surat peletakan jawatan Mohd. Isa pada 17 Oktober lalu.

Mohd. Isa meletakkan jawatan sebagai menteri Kabinet setelah Majlis Tertinggi UMNO mengambil keputusan mengekalkan hukuman penggantungan keahlian terhadap beliau, walaupun telah mengurangkan hukuman enam tahun kepada tiga tahun kerana didapati terlibat dalam politik wang.

Dalam lawatan itu, Shahrizat turut menyampaikan penghargaan Perdana

Menteri kepada kakitangan kementerian itu di atas sikap tanggungjawab dan kerja keras mereka sepanjang ketiadaan menterinya.

“Ini menunjukkan kementerian ini mempunyai sistem kerja yang bagus di mana sesiapa sahaja yang menerajunya tidak mempunyai masalah,” katanya.

Shahrizat berkata, beliau berjanji akan berusaha menyelesaikan semua masalah rakyat yang tertunggak walaupun tidak tahu tempoh memangku jawatan itu.

“Saya dengan bantuan pegawai-pegawai yang lain sedang membuat perancangan dan rangka kerja untuk menyelesaikan masalah yang tertunggak ini secepat mungkin,” katanya.

Semasa lawatannya beliau telah diberi taklimat mengenai perjalanan kementerian tersebut dan mengadakan sesi berkenalan dengan pegawai kanan dan kakitangan kementerian itu.